

PERHIMPUNAN

Antara Soviet Union dengan Amerika Syarikat mengenai Perkara-perkara Cukai.

Presidium Majlis Tertinggi Soviet dan Presiden Amerika Syarikat berhasrat untuk mengelakan cukai dua kali dan menggalakan kerjasama kemajuan Ekonomi, Sains, teknik dan kebudayaan antara kedua negara dan telah melantik wakil bagi tujuan itu di kedua negara.

Bagi Pihak Majlis tertinggi Soviet Union :

Nikolai Semenovich Patolichev, Menteri Perdagangan Luar USSR dan Presiden Amerika Syarikat :

George P. Shultz, Setiausaha Perbandaharaan Amerika Syarikat.

Yang bersetuju sebagai berikut :

ARTIKEL I

Cukai-cukai yang tertakluk di bawah persetujuan ini ialah :

- (a) Bagi Soviet, cukai-cukai ialah dikendalikan oleh undang-undang semua Kesatuan;
- (b) Bagi Amerika Syarikat pula cukai-cukai ialah dikendalikan oleh undang-undang Cukai/hasil dalam negeri.

2. Persetujuan ini juga terlibat cukai-cukai yang sama yang diliputi dalam para 1 yang dikenakan tambahan kepada, atau di tempat cukai itu ujud dan selepas persetujuan ini dicapai.

ARTIKEL II

Dalam persetujuan ini, panggilan-panggilan yang di bawah hendak mempunyai makna seperti yang berikut :

1. Soviet Union atau 'USSR bererti Kesatuan Republik Sosialis Soviet dan apabila digunakan dalam soal ilmu alam bererti wilayah-wilayah bagi semua Republik itu dan panggilan itu juga termasuk :

(a) Laut wilayah dan bermula dari situ dan

(b) Dasar laut dan lapisan tanah dari kawasan dalam yang selari dengan kawasan pantai, tetapi melebihi laut wilayah, di mana Soviet Union mempunyai hak kenegaraan, sejajar dengan undang-undang antarabangsa, bagi tujuan penyiasatan untuk menggunakan sumber-sumber asli di kawasan-kawasan tersebut. Bagaimanapun, adalah difahamkan bahawa syarat ini termasuk juga kawasan-kawasan hanya setakat mana seseorang, hartabenda atau kegiatan yang mana persoalan-persoalan mengenai pencukaian timbul dihubungkan dengan penyiasatan atau penggunaan tersebut.

2. "Amerika Syarikat" atau USA bererti Amerika Syarikat dan bila dipakai dengan maksud pengertian ilmu alam, bererti wilayah-wilayah semua negeri-negeri dan Daerah Columbia. Syarat-syarat tersebut juga termasuk :

(a) Laut wilayah dan bermula dari situ dan

(b) Dasar laut dan lapisan tanah dari kawasan dalam yang selari dengan kawasan pantai, tetapi melebihi laut wilayah, di mana Amerika Syarikat mempunyai hak kenegaraan, sejajar dengan undang-undang antarabangsa, bagi tujuan penyiasatan dan menggunakan sumber-sumber asli di kawasan-kawasan tersebut. Bagaimanapun, adalah difahamkan bahawa syarat-syarat itu termasuk kawasan-kawasan hanya setakat mana seseorang, hartabenda atau kegiatan yang mana persoalan-persoalan mengenai pencukaian timbul, dihubungkan dengan penyiasatan atau penggunaan tersebut.

3. Kediaman Soviet Union bererti :

(a) Ujudnya undang-undang atau sebarang pertubuhan lain yang dianggap di USSR sebagai ujudnya undang-undang

bagi tujuan cukai yang dicipta di bawah undang-undang Soviet Union atau sebarang Kesatuan Republik dan

(b) Satu kediaman perseorangan di Soviet Union bagi tujuan-tujuan pencukaiannya.

4. Kediaman Amerika Syarikat bererti :

(a) Satu perbadanan atau sebarang pertubuhan lain yang dianggap di Amerika Syarikat sebagai satu perbadanan untuk tujuan-tujuan cukai yang dicipta atau disusun di bawah undang-undang Amerika Syarikat atau sebarang negeri atau dari Daerah Columbia dan

(b) Satu kediaman perseorangan di Amerika Syarikat bagi tujuan-tujuan pencukaiannya.

5. Negara Pengkontrek bererti Soviet Union atau Amerika Syarikat seperti yang dikehendaki oleh konteks.

6. Istilah "Pihak-Pihak Berkuasa Yang Layak" bererti :

(a) Bagi kes Soviet Union, Kementerian Kewangan USSR dan

(b) Bagi kes Amerika Syarikat, Setiausaha Perbendaharaan atau perwakilannya.

ARTIKEL III

Katogeri-katogeri pendapatan yang berikut didapati dari sumber-sumber dalam lingkungan Negara Pengkontrek oleh seorang penghuni dari Negara Pengkontrek yang satu lagi akan tertakluk kepada cukai hanya di Negara Pengkontrek yang satu lagi :

(a) Sewaan-sewaan, royalti-royalti, atau jumlah lain yang dibayar sebagai pertimbangan bagi kegunaan atau hak mengguna hasil sastra, kesenian dan kerja-kerja saintifik, atau bagi penggunaan hak cipta bagi kerja-kerja yang demikian, dan juga sebagai hak-hak mencipta (patents, sijil pengarang), rekaan-rekaan perusahaan, proses-proses atau formula-formula, rancangan-rancangan komputer, tanda-tanda perniagaan, tanda-tanda perkhidmatan dan harta-harta lain yang serupa atau hak-hak bagi kelengkapan-kelengkapan perusahaan, perniagaan atau saintifik, atau bagi pengetahuan, pengalaman, atau kemahiran (Kepakaran);

(b) Faedah-faedah yang didapati dari penjualan atau pertukaran sebarang hak atau harta, samada jumlah yang didapati dari penjualan atau pertukaran berlaku keseluruhannya atau sebahagian sahaja, pada setakat mana dan keadaan penggunaan atau kemungkinan penggunaan hak-hak atau harta tersebut;

(c) keuntungan-keuntungan dari penjualan atau kemungkinan penggunaan lain terhadap harta yang diterima sebagai hasil dari warisan atau hadiah;

(d) Pendapatan dari melengkapkan kejuruteraan, pembenaan, rekabentuk dan perkhidmatan-perkhidmatan teknik yang lain berkaitan dengan mengadakan kontrek dengan seorang penghuni dari Negara Pengkontrek pertama yang dilaksanakan dalam satu masa tidak lebih 36 bulan pada satu-satu tempat;

(e) Pendapatan dari penjualan barang-barang, atau pembekalan perkhidmatan melalui satu broker, wakil komisyen am atau wakil-wakil yang bertaraf bebas, di mana broker-broker yang demikian, wakil-wakil komisyen am atau wakil-wakil lain bertindak dalam urusan perniagaannya yang biasa; dan

(g) Faedah dari kredit-kredit, pinjaman dan hutang piutang lain berhubung dengan pembiayaan perdagangan antara USSR dan Amerika Syarikat kecuali di mana diterima oleh sipenghuni Negara Pengkontrek yang satu lagi daripada urusan bank am di dalam Negara Pengkontrek pertama.

2. Sebuah Negara Pengkontrek tidak akan mengenakan pencukaaian ke atas pendapatan bagi kegiatan-kegiatan yang berikut yang dijalankan dalam lingkungan Negara Pengkontrek oleh seorang penghuni Negara Pengkontrek yang satu lagi;

(a) Pembelian barang-barang dagangan atau barang-barang perniagaan;

(b) Penggunaan kemudahan-kemudahan bagi tujuan menyimpan atau menghantar barang-barang atau barang-barang perniagaan kepunyaan si penghuni di Negara Pengkontrek yang satu lagi;

(c) Pamiran barang-barang atau barang-barang perniagaan kepunyaan si penghuni dari Negara Pengkontrek yang satu lagi dan juga penjualan barang-barang tersebut sebaik-baik sahaja pamiran itu selesai;

(d) Iklan oleh si penghuni dari Negara Pengkontrek yang menjalankan penyelidekan saintifik atau kegiatan-kegiatan yang serupa yang berupa satu persiapan atau tambahan bagi si penghuni.

ARTIKEL IV

1. Pendapatan kegiatan perdagangan didapati dari sebuah negara pengkontrek oleh seorang penghuni negara pengkontrek yang lain akan dikenakan cukai di negara pengkontrek yang pertama saja jika ia didapati dari perwakilan.

2. Istilah "perwakilan" ertinya :

(a) Berkenaan pendapatan yang didapati dari dalam USSR, sebuah pejabat atau biro perwakilan yang ditubuhkan oleh USSR oleh penghuni Amerika Syarikat sejajar dengan undang-undang dan peraturan yang dikenakan oleh Soviet Union;

(b) Berkenaan dengan pendapatan yang didapati dalam Amerika Syarikat, sebuah pejabat atau lain-lain tempat perniagaan yang ditubuhkan oleh Amerika Syarikat oleh penghuni Soviet Union sejajar dengan undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh Amerika Syarikat.

3. Dalam soal menentukan keuntungan oleh seorang perwakilan, hendaklah dibenarkan potongan dari perbelanjaan jumlah pendapatan yang penuh yang ada hubungan dengan kegiatan perniagaan, termasuk perbelanjaan pegawai dan pentadbiran am.

4. Artikel ini ditumpukan terhadap pendapatan, selain dari pendapatan perseorangan mengandali dengan Artikel VI dari lawatan dan pertunjukan umum.

5. Peruntukan artikel ini tidak melibatkan perkecualian dari cukai di bawah Artikel III dan V.

ARTIKEL V

1. Pendapatan yang didapati dari penghuni Soviet Union hasil gerakan lalulintas kapal laut dan kapalterbang antarabangsa yang didaftarkan di USSR yang didapati dari jualan, pertukaran dan lain-lain gerakan perkapalan dan kapalterbang dalam lalulintas antarabangsa oleh penghuni serupa itu dan didaftarkan di USSR akan dikecualikan dari cukai di Amerika Syarikat.

2. Pendapatan yang didapati oleh penghuni Amerika Syarikat dari lalulintas antarabangsa dalam bidang kapal laut atau kapalterbang yang didaftarkan di Amerika Syarikat yang didapati dari jualan, pertukaran dan lain-lain gerakan perkapalan dan kapalterbang dalam lalulintas antarabangsa oleh penghuni serupa itu yang didaftarkan di Amerika Syarikat akan dikecualikan dari cukai di Soviet Union.

3. Hasil dari orang-orang perseorangan dari bertugas sebagai buruh di dalam kapal laut atau kapalterbang yang diselenggarakan oleh negara pengkontrek atau seorang penghuni dalam lalulintas antarabangsa akan dikecualikan dari cukai di negara pengkontrek yang lain jika orang perseorangan itu ahli biasa kapal laut atau kapalterbang.

ARTIKEL VI

1. Pengecuali khas.

Pendapatan yang didapati dari orang perseorangan iaitu penghuni di salah sebuah negara pengkontrek akan dikecualikan dari cukai di negara pengkontrek yang lain seperti yang terkandung dalam perenggan kecil (a) melalui (f).

(a) *Pekerja-pekerja kerajaan.*

(1) Orang perseorangan menerima gaji dari tabung kerajaan dari negara pengkontrek yang orang perseorangan tersebut warganegara bagi perkhidmatan buruh atau peribadi yang dilakukan sebagai pekerja badan kerajaan atau pusat negara pengkontrek tersebut dalam melaksanakan tugas-tugas

kerajaan tidak akan dikenakan cukai terhadap gaji serupa itu di negara pengkontrek yang lain.

(2) Perkhidmatan buruh atau peribadi yang dilaksanakan oleh seorang warganegara salah sebuah negara pengkontrek hendaklah disifatkan oleh negara pengkontrek yang sebuah lagi sebagai menjalankan tugas kerajaan jika perkhidmatan atau peribadi atau buruh itu akan dimasukkan di bawah undang-undang dalam negeri negara pengkontrek pertama sebagai yang dilakukan. Bagaimanapun, adalah difahamkan bahawa seseorang yang menjalankan kegiatan dalam bidang perdagangan, seperti pekerja-pekerja atau wakil-wakil pertubuhan-pertubuhan perdagangan luar USSR dan pekerja dan majikan pertubuhan perdagangan Amerika Syarikat tidak akan ditimbangkan di Amerika Syarikat dan USSR yang menjalankan tugas untuk melaksanakan tugas-tugas kerajaan.

(3) Peruntukan di bawah perjanjian ini tidak akan melibatkan keistimewaan pegawai-pegawai diplomat dan konsol di bawah undang-undang am undang-undang antarabangsa atau di bawah perjanjian khas.

(b) *Menyertai rancangan kerjasama antara kerajaan.*

Orang perseorangan penghuni negara pengkontrek dan berada di negara pengkontrek yang lain bagi sementara waktu di bawah rancangan pertukaran yang diselenggarakan melalui perjanjian antara kedua buah negara pengkontrek tersebut di atas kerjasama dalam berbagai bidang sains dan teknologi adalah tidak tertakluk kepada cukai di dalam negara pengkontrek tersebut dari gaji yang diterimanya dari salah sebuah negara pengkontrek tersebut.

(c) *Guru dan para pengkaji.*

(1) Seseorang penghuni salah sebuah negara pengkontrek juga pada sementara waktu berada di negara pengkontrek yang lain atas jemputan badan-badan kerajaan atau institusi atau institusi sains dan pelajaran dalam negara pengkontrek lain dengan sebab utama untuk mengajar, menyertai penyelidikan, atau menyertai persidangan sains, teknik atau iktisas tidak tertakluk di bawah cukai dalam negara tersebut dari gajinya melalui mengajar, penyelidikan atau penyertaannya di dalam sebarang persidangan.

(2) Perenggan kecil (1). Tidak tertakluk kepada bayaran

jika penyelidikan yang dijalankan itu dibuat kerana memberi faedah kepada orang perseorangan atau pertubuhan perdagangan dari Amerika Syarikat atau badan perdagangan laut USSR. Bagaimanapun perenggan kecil (1) tetapi adalah tertakluk dalam semua bidang lain di mana penyelidikan tersebut diselenggarakan atas asas perjanjian antara kerajaan mengenai kerjasama.

(d) *Pelajar.*

Orang perseorangan penghuni salah sebuah negara pengkontrek dan juga sementara waktu berada di dalam negara pengkontrek yang sebuah lagi dengan tujuan utama untuk menuntut di salah sebuah institusi pelajaran atau penyelidikan sains atau pun dengan tujuan mendapatkan kerja atau keistimewaan akan dikecualikan cukai di negara pengkontrek tersebut melalui biasiswa atau elaun lain yang diperlukan bagi membiayai kehidupan setiap hari.

(e) *Pelatih dan pakar.*

Orang perseorangan am juga penghuni salah sebuah negara pengkontrek juga sementara waktu berada di negara pengkontrek yang sebuah lagi dengan tujuan utama untuk mendapatkan pengalaman teknik, iktisas, pengalaman perdagangan atau untuk memberi perkhidmatan teknik dan yang juga pekerja atau di bawah kontrek dengan penghuni negara pengkontrek yang pertama tidak akan tertakluk kepada cukai dalam sebuah negara pengkontrek yang sebuah lagi dari gaji yang diterima dari seberang laut juga penghuni tersebut tidak tertakluk kepada cukai dalam negara itu di atas jumlah yang diterima dari sumber-sumber sebuah negara pengkontrek yang lain yang diperlukan bagi sara hidup.

(f) *Tempoh perkecualian.*

Perkecualian yang diberikan di bawah perenggan kecil (b), (c), (d) dan (e) artikel ini hanya diberikan dalam tempoh tersebut saja seperti yang dikehendaki untuk memberi kesan terhadap kegunaan lawatan itu, tetapi tidak dapat diberikan jika melebihi tempoh tersebut.

(1) Satu tahun dalam rangka perenggan kecil (c) (penyer-ta-penyerta dalam rancangan-rancangan kerjasama antara kerajaan) dan (e) pelatih dan pakar);

(2) Dua tahun dalam rangka perenggan kecil (c) guru dan penyelidik); dan

(3) Lima tahun dalam rangka perenggan kecil (d) (pelajar). Jika orang perseorangan berkelayakan mendapat perkecualian di bawah lebih dari satu perenggan kecil (b), (c), (d) dan (e), peruntukan perenggan kecil yang menguntungkanannya boleh dikenakan. Bagaimanapun orang perseorangan tidak boleh mendapat faedah yang meningkat dalam perenggan kecil (b), (c) dan (e) cukai lebih dari lima tahun dari tarikh ketibaannya di negara pengkontrek yang lain.

2. Perkecualian Am.

Pendapatan yang didapati dari orang perseorangan iaitu penghuni salah sebuah negara pengkontrek dari pekerjaan peribadi di negara pengkontrek yang lain yang tidak dikecualikan dari cukai sejajar dengan perenggan 1. artikel ini boleh dikenakan cukai di negara-negara pengkontrek yang lain, tetapi jika orang perseorangan tinggal di lain negara pengkontrek melebihi dari 183 hari.

ARTIKEL VII

Perjanjian ini tidak terhad terhadap hak negara pengkontrek untuk mengenakan cukai kepada warganegara negara pengkontrek yang sebuah lagi.

ARTIKEL VIII

Perjanjian ini dikenakan hanya cukai bagi pendapatan dari kegiatan yang dijalankan di negara pengkontrek sejajar dengan undang-undang dan peraturan yang dikenakan di negara-negara pengkotrek yang berkenaan.

ARTIKEL IX

Jika pendapatan penghuni sesebuah negara pengkontrek dikecualikan dari cukai di negara pengkontrek yang lain maka, penghuni seperti itu juga dikecualikan dari cukai yang pada masa ini dikenakan atau yang mungkin dikenakan di negara pengkontrek yang berkenaan dalam masa peralihan pendapatan seperti itu.

ARTIKEL X

1. Jika seseorang warganegara salah sebuah negara pengkontrek yang menjadi penghuni negara pengkontrek yang lain tidak akan dikenakan cukai di negara pengkontrek yang lain yang boleh memberi beban cukai yang melebihi dari warganegara negara pengkontrek yang berkenaan yang menjalankan kegiatan yang sama.

2. Seseorang warganegara salah sebuah negara pengkontrek yang menjadi penghuni di lain negara pengkontrek atau perwakilan yang ditubuhkan oleh seorang penghuni negara pengkontrek yang pertama di negara pengkontrek yang lain yang memberi bebanan cukai yang melebihi dari cukai yang lazim dikenakan terhadap warganegara negara itu sendiri atau penghuni perwakilan negara ketiga yang menyelenggarakan kegiatan yang sama.

Bagaimanapun, peruntukan ini tidak memerlukan sesebuah negara pengkontrek memberikan kepada seseorang warganegara atau wakil negara pengkontrek yang lain faedah cukai yang diberikan dengan perjanjian khas kepada warganegara atau wakil negara ketiga.

3. Peruntukan dalam perenggan 1. dan 2. artikel ini dikenakan cukai sebarang bena yang dikenakan oleh Kesatuan sekerja bagi peringkat Persekutuan, peringkat Republik atau negara atau dalam peringkat tempatan.

ARTIKEL XI

1. Jika seorang penghuni salah sebuah negara pengkontrek menimbangkan bahawa tindakan sebuah atau kedua negara pengkontrek memberi atau akan memberi kesan kepadanya dalam soal cukai yang tidak sejajar dengan perjanjian ini, ia mungkin tidak terlibat dalam undang-undang yang sedang diperbaiki di negara pengkontrek yang berkenaan dan membentangkan perkaranya kepada pihak berwajib negara pengkontrek yang berkenaan yang ia menjadi penghuni atau warganegara. Jika dakwaannya dipertimbangkan oleh pihak berwajib negara pengkontrek itu mereka boleh membuat perjanjian dengan pihak berwajib di lain negara pengkontrek dengan hasrat untuk mengelakan cukai yang tidak sejajar dengan peruntukan dalam perjanjian ini.

2. Dalam soal perjanjian serupa itu dapat diadakan, pihak berwajib negara pengkontrek hendaklah memulangkan jumlah bagi yang dibayar seperti yang dibenarkan dalam pengecualian cukai seperti yang diperlukan.

ARTIKEL XII

Pihak berwajib negara pengkontrek hendaklah memberitahu satu sama lain pindaan undang-undang cukai tiap-tiap tahun seperti terkandung dalam perenggan 1. Artikel 1 dengan menghantar pindaan baru itu atau undang-undang baru satu sama lain sebarang bahan mengenai permohonan menurut perjanjian ini.

ARTIKEL XIII

Perjanjian ini boleh dipinda dan boleh dikuatkuasakan dalam masa 30 hari selepas bertukar-tukar pindaan tersebut. Pindaan itu hendaklah ditukarkan di Moscow secepat mungkin.

Peruntukan perjanjian ini, boleh, bagaimanapun memberi kesan bagi pendapatan yang didapati pada atau selepas 1 Januari tahun berikutnya yang mana bahan pindaan itu ditukar-tukarkan.

ARTIKEL XIV

1. Perjanjian ini hendaklah dikuatkuasakan dalam tempoh tiga tahun selepas ia dilaksanakan dan hendaklah dikuatkuasakan dalam tempoh yang tidak ditentukan. Salah sebuah negara pengkontrek boleh memansuhkan perjanjian ini pada sebarang masa selepas tiga tahun dari tarikh perjanjian ini dikuatkuasakan, dengan memberi notis pemansuhan itu melalui saluran diplomat sekurang-kurangnya enam bulan sebelum akhir tahun berkenaan, dalam soal itu, perjanjian ini akan berjalan lagi mulai 1 Januari tahun berikutnya selepas notis itu diberikan.

2. Tidak termasuk peruntukan perenggan 1. artikel ini selepas notis diberikan melalui saluran diplomatik, peruntukan perenggan kecil (c), (f) atau (g) dari perenggan 1 Artikel III dan peruntukan Artikel IX boleh dimansuhkan berasingan oleh negara pengkontrek pada sebarang masa

selepas tiga tahun dari tarikh selepas perjanjian ini dikuatkuasakan. Dalam perkara seperti ini peruntukan ini akan tidak boleh dijalankan mulai 1 Januari tahun berikutnya selepas notis diberikan.

Disaksikan oleh kedua pihak negara pengkontrek dan ditandatangani dalam perhimpunan perjanjian ini.

Dibuat di Washington pada 20hb. Jun, 1973 dalam dua salinan dalam dua bahasa iaitu Rusia dan Inggeris yang mempunyai persamaan erti.

**Bagi Presidium Kesatuan
Republik Sosialis Soviet
NIKOLAI S. PATOLICHEV**

**Bagi Presiden Amerika
Syarikat
GEORGE P. SHULTZ**